



## NOTIS MAKLUMAN

### PENYELARASAN MAKLUMAT JAWATAN TUKANG MASAK KEPADА JAWATAN KREW RESTORAN BAGI SEKTOR PERKHIDMATAN RESTORAN

Susulan penambahan kriteria permohonan pekerja asing bagi sektor perkhidmatan restoran dengan mewujudkan jawatan baharu Krew Restoran seperti notis makluman pada 24 Julai 2019, dimaklumkan bahawa majikan boleh membuat **penyelarasان jawatan pekerja asing Tukang Masak sedia ada kepada jawatan Krew Restoran sekiranya berkaitan.**

2. **Skop tugas** Tukang Masak dan Krew Restoran adalah seperti berikut:

**Tukang Masak:** Merancang, mengatur, menyediakan dan memasak makanan di restoran;

**Krew Restoran:** Menyediakan dan memasak makanan atau minuman yang melibatkan proses penyediaan yang ringkas, mengambil pesanan pelanggan dan menghidang makanan.

Tukang Masak dan Krew Restoran boleh melaksanakan tugas-tugas pembersihan dan tugas-tugas am di restoran manakala **tugas sebagai juruwang atau bertaraf penyelia adalah TIDAK DIBENARKAN.**

3. Secara umumnya, skop tugas Tukang Masak adalah lebih khusus dan berkemahiran berbanding Krew Restoran manakala tugas-tugas Krew Restoran lebih melibatkan kepada kerja-kerja am.

4. Sebelum jawatan Krew Restoran ini diwujudkan, semua jawatan dalam Pas Lawatan Kerja Sementera (PLKS) pekerja asing bagi sektor perkhidmatan restoran ini dicetak dan direkodkan sebagai Tukang Masak. Berdasarkan pembaharuan terkini yang dilaksanakan, majikan perlu meneliti dan menyelaras semula jawatan pekerja asing sedia ada sama ada kekal dengan jawatan Tukang Masak atau ditukar kepada jawatan Krew Restoran berdasarkan skop tugas yang dijelaskan di perenggan 2.

5. **Mekanisme penyelarasan** adalah seperti berikut:

- 5.1 Bagi **PLKS Tukang Masak sedia ada**, majikan dibenarkan membuat pertukaran maklumat jawatan **Tukang Masak kepada Krew Restoran** di Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) sebelum proses pelanjutan PLKS dilaksanakan;
- 5.2 Bagi majikan yang memperolehi **kelulusan bersyarat pekerja asing jawatan Tukang Masak sebelum 29 Julai 2019** dan belum membuat permit atau PLKS pekerja (dalam proses permohonan VDR atau telah diluluskan VDR), majikan dibenarkan membuat penyelarasan maklumat **jawatan Tukang Masak kepada Krew Restoran** di JIM sebelum stiker PLKS dicetak;
- 5.3 Pertukaran jawatan yang dibenarkan adalah dari **jawatan tukang masak sedia ada kepada krew restoran sahaja** manakala pertukaran dari **krew restoran kepada tukang masak** adalah tidak dibenarkan;
- 5.4 Jumlah permohonan penyelarasan jawatan ini adalah **tertakluk kepada majikan** berdasarkan skop kerja pekerja asing seperti yang dinyatakan di perenggan 2. Majikan hanya perlu menukar jawatan pekerja Tukang Masak sedia ada kepada Krew Restoran bagi pekerja yang berkaitan dengan skop tugas Krew Restoran sahaja manakala bagi pekerja yang memang menjalankan tugas tukang masak, jawatan sedia ada tidak perlu ditukar; dan

- 5.5 Tempoh pelaksanaan penyelarasan ini adalah bermula pada **1 Oktober 2019** sehingga **31 Disember 2020** sahaja.
6. Segala urusan pertukaran maklumat jawatan ini boleh dilaksanakan di Ibu Pejabat Jabatan Imigresen Malaysia atau Pejabat Imigresen Negeri. **Tiada pertukaran maklumat jawatan dibenarkan selepas 31 Disember 2020 dan tindakan penguatkuasaan** akan diambil ke atas majikan dan pekerja sekiranya pekerja asing didapati bekerja di luar daripada skop tugas yang dibenarkan.

Sekian, terima kasih.

**BAHAGIAN PENGURUSAN PEKERJA ASING  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

**25 SEPTEMBER 2019**